

Lampiran 1

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS Panggilan Kertas Kerja

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS merupakan jurnal dalam talian yang berkonsep *blind peer-reviewed* dan diterbitkan dua kali dalam setahun, iaitu pada bulan Mac dan bulan September. Setiap terbitan akan terdiri daripada enam hingga lapan artikel. Pengarang dialu-alukan untuk menghantar laporan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina, Malaysia (MICSS), seperti;

Bidang Penyelidikan	Penerangan	Contoh Jenis Satu (Deskriptif)	Contoh Jenis Dua (Korelasi, Perbandingan)	Contoh Jenis Tiga (Penyelidikan Tindakan, Penyelidikan Eksperimen)
Objektif Pendidikan	Topik penyelidikan berfokus dalam mengkaji pendidikan MICSS yang merupakan pendidikan peringkat menengah setelah menamatkan pendidikan di sekolah rendah, cara merancang pelan untuk melahirkan insan berbakat, cara untuk mencapai matlamat pendidikan (berhenti sekolah, tercicir dalam pembelajaran, dan ulangan tingkatan), serta halatuju pengajian lanjutan dan pekerjaan graduan MICSS.	● Menenal pasti halatuju pekerjaan graduan MICSS. ● Menenal pasti halatuju pengajian lanjutan graduan MICSS. ● Meninjau keberkesanan matlamat pendidikan MICSS. ● Meninjau hubungan antara matlamat pendidikan mata pelajaran dengan matlamat pendidikan MICSS. ● Mengkaji matlamat pendidikan MICSS.	● Perbandingan matlamat pendidikan MICSS. ● Perbandingan model pendidikan MICSS (satu sistem vs. dua sistem). ● Perbandingan status sosioekonomi ibu bapa dan prestasi akademik pelajar. ● Pencapaian pembelajaran sekolah rendah (penilaian berasaskan sekolah & peperiksaan kelayakan kemasukan MICSS) untuk mengandaikan prestasi pelajar dalam pembelajaran MICSS.	● Hubungan antara rancangan pendidikan dengan pencapaian pelajar. ● Hubungan antara perubahan dasar sekolah dengan pembelajaran pelajar, seperti penekanan terhadap pencapaian dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan <i>Unified Examination Certificate</i> (UEC). ● Menenal pasti prestasi graduan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam MICSS.

Reka Bentuk Kurikulum	Tumpuan kepada jangka masa dan ruang kurikulum sebagai topik penyelidikan, termasuk perubahan dalam waktu pengajaran sekolah dan waktu pengajaran mata pelajaran. Pada masa yang sama, ia juga merangkumi kajian struktur kurikulum.	• Mengkaji masa pengajaran setiap sekolah. • Mengkaji masa pengajaran guru. • Kewajaran masa pengajaran guru. • Penyelidikan mengenai waktu pengajaran mata pelajaran. • Penyelidikan kursus elektif dan kursus teras.	• Waktu pengajaran mata pelajaran di pelbagai jenis sekolah. • Waktu pengajaran mata pelajaran di negara-negara lain. • Struktur kurikulum di negara-negara lain.	• Adakah pelaksanaan sistem kerja lima hari mempengaruhi pembelajaran pelajar? • Pengaruh masa pengajaran terhadap prestasi pelajar. • Pengaruh struktur kurikulum terhadap prestasi pembelajaran pelajar. • Penyelidikan mengenai pelaksanaan sistem kredit.
Kandungan Kurikulum	Perbincangan kandungan pembelajaran kurikulum MICSS sebagai fokus penyelidikan, termasuk kepelbagaian, kesukaran, perkaitan dengan matlamat pendidikan, penerapan literasi dan lain-lain.	• Pelaksanaan kandungan kurikulum yang berkaitan dengan moral, intelektual, jasmani, kolaborasi, dan estetika. • Penerapan sembilan literasi teras dalam kandungan kursus. • Penilitian kandungan buku teks. • Mengkaji prinsip dan teori penyusunan kandungan kursus.	• Perbandingan kandungan buku teks pelbagai zaman. • Perbandingan kandungan buku teks antara MICSS dengan sekolah kebangsaan. • Perbandingan kandungan buku teks secara mendatar. • Perbandingan kandungan buku teks secara menegak.	• Hubungan bilangan kandungan pengajaran dengan prestasi akademik pelajar. • Sama ada kandungan yang disemak semula mempengaruhi prestasi akademik pelajar. • Keberkesanan kandungan e-buku.
Pelaksanaan Kurikulum / Kaedah Pengajaran	Perbincangan model pengajaran yang digunakan oleh guru MICSS, kaedah pelaksanaan pelbagai matlamat pendidikan, dan model pengajaran untuk melaksanakan literasi sebagai teras dalam pendidikan.	• Penyelidikan kaedah pengajaran guru. • Meneliti tahap kesukaran kandungan pembelajaran mata pelajaran. • Meneliti hubungan antara kaedah pengajaran mata pelajaran dengan matlamat pendidikan. • Meneliti hubungan antara kaedah pengajaran mata pelajaran dengan pelaksanaan literasi dalam pendidikan. • Penyelidikan pengajaran berpusatkan guru dan berpusatkan pelajar. • Penyelidikan gaya pembelajaran pelajar.	• Mengkaji hubungan antara pengalaman pengajaran dengan kaedah pengajaran guru. • Penyelidikan model pengajaran pelbagai mata pelajaran. • Hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan pembelajaran pelajar. • Hubungan antara waktu pengajaran dengan kaedah pengajaran guru. • Mengkaji hubungan antara kelayakan akademik guru dengan kaedah pengajaran guru. • Penyelidikan hubungan antara ikhtisas guru dengan kaedah pengajaran guru.	• Keberkesanan model pengajaran berpusatkan pelajar. • Keberkesanan model pembelajaran berkumpulan. • Keberkesanan model pembelajaran campuran (Blended Learning). • Keberkesanan pembelajaran dalam talian. • Keberkesanan kursus diploma pendidikan guru.

Penilaian Kurikulum	Mengkaji model penilaian yang dilaksanakan oleh MICSS, kaedah penilaian pencapaian matlamat pendidikan oleh sekolah, kepelbagaian kaedah penilaian, kebolehppercayaan dan kesahan, dan penggunaan hasil penilaian.	• Penyelidikan model penilaian berasaskan sekolah untuk MICSS. • Meneliti soalan ujian penilaian berasaskan sekolah dalam pelbagai mata pelajaran. • Mengkaji kebolehppercayaan dan kesahan penilaian berasaskan sekolah. • Penyelidikan keberkesanan melaksanakan penilaian berasaskan sekolah. • Penyelidikan hubungan antara pencapaian UEC dengan lanjutan pengajian pelajar. • Mengkaji bentuk soalan penilaian berasaskan sekolah. • Penyelidikan bentuk soalan penilaian berasaskan sekolah / UEC. • Penyelidikan kepelbagaian pendekatan UEC.	• Penilaian berasaskan sekolah dengan matlamat pendidikan. • Jenis MICSS dengan penilaian berasaskan sekolah. • Penilaian berasaskan sekolah dengan keputusan UEC. • Penyelidikan perbandingan antara UEC dengan pelbagai jenis peperiksaan. • Kajian perbandingan UEC dengan peperiksaan kebangsaan di negara lain. • Mengkaji ketepatan ramalan UEC.	• Model penilaian berasaskan sekolah dengan prestasi pelajar. • Bentuk soalan penilaian berasaskan sekolah dengan prestasi pelajar. • Bentuk soalan UEC dengan prestasi pelajar.
Pengurusan Kurikulum	Mengkaji sokongan pengurusan kurikulum MICSS, termasuk sumber manusia, kemudahan, dan kewangan. Pada masa yang sama, masalah pengurusan juga melibatkan penyelidikan mengenai keadaan fizikal dan mental pihak berkepentingan (pengarah, ibu bapa, pelajar, dan kakitangan sekolah).	• Penyelidikan kelayakan guru MICSS. • Penyelidikan nisbah guru-pelajar dalam MICSS. • Penyelidikan saiz kelas MICSS. • Penyelidikan kemudahan perkakasan MICSS. • Penyelidikan penggunaan dana pendidikan MICSS. • Penyelidikan iktisas guru MICSS. • Penyelidikan tahap kepuasan pihak berkepentingan. • Penyelidikan kesejahteraan pihak berkepentingan.	• Penyelidikan jenis MICSS dengan kelayakan guru. • Penyelidikan jenis MICSS dengan nisbah guru-pelajar. • Penyelidikan kemudahan perkakasan MICSS dengan bilangan pelajar. • Penyelidikan pembiayaan pendidikan dengan bilangan pelajar. • Penyelidikan jenis MICSS dengan kesejahteraan pihak berkepentingan.	• Pengaruh iktisas guru terhadap prestasi pelajar. • Nisbah guru-pelajar dengan prestasi pelajar. • Kesan perubahan dasar sekolah terhadap tahap kepuasan pihak berkepentingan.

Prinsip proses semakan dan penerbitan jurnal akan diberikan keutamaan kepada manuskrip yang dihantar terlebih dahulu. Penerbitan manuskrip yang terpilih akan berpandukan kepada ruang kekosongan jilid jurnal yang akan diterbitkan. Sidang pengarang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam soal penerbitan manuskrip.

Yang ikhlas,



Ketua Penyunting

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS